



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
*DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA*

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

Tel : 603 – 88832545  
Faks : 603 – 88895542  
E-mail : anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 87/P1/20/8 Jld. 11 (47)  
Tarikh : 12 Mac 2014

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

*Y.Bhg. Dato' Datin Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
BILANGAN 3 TAHUN 2014 :  
GARISPANDUAN KOD PAKAIAN BAGI ANGGOTA YANG BERTUGAS  
DI UNIT PSIKIATRI KOMUNITI DAN PUSAT KESIHATAN MENTAL  
MASYARAKAT**

---

**TUJUAN**

1. Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menggariskan tatacara pelaksanaan Kod Pakaian bagi anggota dari Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta kakitangan dari agensi lain yang bertugas atau menjalani latihan di Unit Psikiatri Komuniti (UPK) dan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (PKMM).

**LATAR BELAKANG**

2. Perkhidmatan Psikiatri dan Kesihatan Mental di hospital-hospital KKM sedang menjalankan aktiviti 'outreach' kepada masyarakat melalui Perkhidmatan Psikiatri Komuniti dan perwujudan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat.
3. Anggota yang menjalankan program ini mengenakan pakaian biasa dan bukannya pakaian seragam untuk mengelakkan stigma terhadap pesakit dan keluarga pesakit yang dilawati dan juga atas sebab-sebab keselamatan.
4. Pada masa ini tidak terdapat keseragaman kod pakaian untuk anggota yang melaksanakan tugas-tugas tersebut.

## TATACARA KOD PAKAIAN

### 5. Peraturan Umum

- 5.1 Memakai tanda nama dan pas pekerja sepanjang menjalankan tugas.
- 5.2 Mengenakan pakaian yang bersih dan menampilkan imej yang memberi keyakinan kepada para pelanggan.
- 5.3 Menggunakan bilik persalinan yang disediakan, jika ada di fasiliti masing-masing.
- 5.4 Anggota perlu mengenakan semula pakaian kerja apabila kembali bertugas di hospital.

### 6. Pakaian

#### 6.1 Kakitangan Lelaki

- 6.1.1 Baju kemeja lengan panjang atau pendek (tucked in).
- 6.1.2 Seluar panjang (seluar pendek atau seluar jean, baju 'T' tidak dibenarkan).

#### 6.2 Kakitangan Wanita

- 6.2.1 Baju kebangsaan atau blaus dipakai dengan seluar panjang, *skirt* paras lutut dan *skirt* labuh.
- 6.2.2 Fesyen baju hendaklah tidak keterlaluan dan tidak menggunakan fabrik yang jarang.
- 6.2.3 Pakaian hendaklah tidak ketat dan tidak menjolok mata.

### 7. Kelengkapan

#### 7.1 Rambut

- 7.1.1 Kakitangan Lelaki
  - 7.1.1.1 Hendaklah berambut pendek dan kemas.
- 7.1.2 Kakitangan Wanita
  - 7.1.2.1 Hendaklah berambut pendek dan kemas.

#### 7.2 Muka

- 7.2.1 Apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.

#### 7.3 Kasut

- 7.3.1 Kakitangan Lelaki
  - 7.3.1.1 Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya serta berstoking.

7.3.2 Kakitangan Wanita

7.3.2.1 Digalakkan memakai kasut yang menutup tumit dan jari kaki, atas sebab keselamatan. Selipar, kasut getah atau kasut sukan tidak dibenarkan. Tumit tidak boleh melebihi 4 cm (1 ½ inci).

7.4 Barang kemas

7.4.1 Perlu sederhana atas sebab-sebab keselamatan.

**TARIKH KUAT KUASA**

8. Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

**PERTANYAAN**

9. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, sila hubungi:

**Bahagian Perkembangan Perubatan**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 7, Blok E1, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03 - 88831047  
No. Faks : 03 - 88831427

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Yang Ikhlas,*

  
(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan  
Klinikal)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Keselamatan & Kualiti Makanan)